



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S) 112/2023(JSE)
TARIKH : 1 September 2023

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Akuan Bumiputera Kementerian Kewangan/ Perbendaharaan Malaysia Sabah** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANGKI AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	<u>BERDAFTAR DENGAN</u> Kementerian Kewangan Malaysia/ Akuan Bumiputera Kementerian Kewangan/ Perbendaharaan Malaysia Sabah <u>KOD BIDANG</u> 080101 (Kelengkapan/ Kemudahan Awam [kecuali kelengkapan kemudahan permainan/ sukan])	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 7.9.2023 sehingga 13.9.2023 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 10.00 (tidak dikembalikan)	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> Tiada <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	14.9.2023 (8.00 pagi - 12.00 tengah hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BERSERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Akuan Bumiputera Kementerian Kewangan/ Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**

(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan sebutharga)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.